

**Generali Insurance Malaysia Berhad**

No. Pendaftaran: 197501002042 (23820-W)

Pusat Khidmat Pelanggan Generali

Level 1, Menara Generali,

27 Jalan Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia.

Tel: 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 E-mel: customer.service.gi@generali.com.my

www.generali.com.my

Tarikh:

Generali Insurance Malaysia Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.**BORANG CADANGAN INSURANS HOME PROTECTOR ENHANCED****NOTIS PENTING**

- Menurut Perenggan 5, Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika Anda memohon insurans ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesi Anda, Anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak salah nyata dalam menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini. Anda dikehendaki menjawab soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat.
Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan-soalan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak insurans Anda, keengganan atau pengurangan gantirugi Anda, perubahan terma atau penamatian kontrak insurans Anda.
Kewajipan pendedahan diatas hendaklah diteruskan sehingga kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan Kami.
Sebagai tambahan kepada soalan-soalan dalam Borang Cadangan ini, Anda dikehendaki untuk mendedahkan apa-apa perkara lain yang Anda tahu akan mempengaruhi keputusan Kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan.
Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu Kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak insurans Anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami, apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan ini tidak tepat atau telah berubah.
- Data peribadi ("Data Peribadi") yang dikemukakan dan dikumpul daripada anda boleh digunakan oleh Kami dan/atau mana-mana syarikat dalam Kumpulan Syarikat Generali dan/atau mana-mana syarikat bersekutunya, di dalam atau di luar Malaysia, untuk tujuan yang berkaitan dengan perniagaan insurans atau pemasaran langsung kami. Sehubungan dengan ini, kami boleh mendedahkan maklumat anda (termasuk Data Peribadi anda) kepada mana-mana syarikat yang disebutkan di atas. Kami juga boleh mendedahkan maklumat anda (termasuk Data Peribadi anda) kepada mana-mana pihak ketiga lain (termasuk penyedia perkhidmatan pihak ketiga, penanggung insurans semula, penyelaras/penyiasat tuntutan, persatuan industri yang berkaitan, pengawal selia, badan berkanun, pihak berkuasa kerajaan dan mana-mana orang yang berada di bawah kewajipan kerahsiaan dan/atau yang telah melaksanakan tanggungjawab untuk menyimpan data tersebut sulit). Senarai lengkap pendedahan kami kepada pihak ketiga boleh didapati di Notis Data Privasi di laman web kami.
Kami akan berhenti menggunakan Data Peribadi jika anda meminta Kami untuk berbuat demikian. Untuk maklumat lanjut tentang cara untuk melaksanakan hak anda, sila rujuk kepada "Notis Data Privasi" di mukasurat 6 atau laman web kami di www.generali.com.my.
- JAMINAN PREMIUM 60 HARI: Dengan adanya jaminan ini, polisi insurans akan dibatalkan secara automatik melainkan premium penuh dibayar kepada penginsurans dalam tempoh 60 hari dari tarikh perlindungan berkuatkuasa. Jika urusan insurans dibuat melalui broker insurans maka broker tersebut akan membentuk kontrak insurans ini bagi pihak Anda. Pembayaran premium kepada broker perlu dibuat secepat mungkin atau dalam tempoh 60 hari jaminan premium bagi membolehkan broker Anda membuat bayaran awal kepada penginsurans. Anda dinasihatkan untuk mendapatkan resit broker dan resit penginsurans bagi premium yang telah dibayar, daripada broker Anda.
- Perlindungan tidak akan berkuatkuasa sebelum cadangan bertulis diterima oleh Syarikat.
- Premium yang dikenakan untuk Polisi ini tidak termasuk cukai terpakai yang boleh dikenakan pada masa hadapan dan dari masa ke semasa, Kami berhak untuk memperolehi daripada Anda sebarang cukai-cukai yang perlu dibayar di bawah peruntukan undang-undang.
- Borang Cadangan ini merupakan sebahagian daripada kontrak polisi.

BUTIRAN PENCADANG

Gelaran: <input type="checkbox"/> Encik <input type="checkbox"/> Puan <input type="checkbox"/> Cik <input type="checkbox"/> Dr <input type="checkbox"/> Lain-lain	Jika lain-lain, sila nyatakan: _____	Jantina*: <input type="checkbox"/> Lelaki <input type="checkbox"/> Perempuan
---	--------------------------------------	--

Nama* (seperti dalam K/P/Pasport/Nama Berdaftar Syarikat):

Alamat Surat-Menyurat*:

Poskod*:	No. K/P/Pasport/Pendaftaran Syarikat*:	Tarikh Lahir*: hh/bb/tt
----------	--	-------------------------

No. Tel. (Bimbit)*:	No. Tel (Pejabat):	No. Tel. (Rumah):
---------------------	--------------------	-------------------

E-mel*:

Warganegara*:	Status Perkahwinan*: <input type="checkbox"/> Berkahwin <input type="checkbox"/> Bujang
---------------	---

Jenis Perniagaan atau Profesional/Pekerjaan:

Jawatan Anda: Pengarah/Pemilik Profesional/Teknikal Pengurusan Pentadbiran/Kerani Lain-lain

Kegunaan Peribadi: <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak	Perjanjian Kolektif/SOCSO/Perjanjian Pampasan Pekerja: <input type="checkbox"/> Ya <input type="checkbox"/> Tidak
---	---

SOALAN UNTUK DIJAWAB OLEH PENCADANG (Semua soalan mesti dijawab)

1. Lokasi harta yang akan diinsuranskan:

2. Apakah bahan yang digunakan untuk membina kediaman?
(a) Dinding?
(b) Bumbung?

3. (a) Berapa bilangan tingkat bangunan ini?
(b) Tingkat unit yang diduduki?

4. Adakah terdapat sebarang bangunan tambahan dan jika ya, bagaimana ia dibina? Ya Tidak
(a) Dinding?
(b) Bumbung?

5. Tahun bilakah rumah anda dibina?

6. Sila nyatakan jenis kediaman anda (tandakan yang berkenaan):
(a) Banglo (d) Rumah pangsa (g) Rumah Bandar (*Townhouse*)
(b) Rumah Semi-Detached (e) Apartmen
(c) Rumah Teres atau kluster (f) Kondominium

7. Adakah kediaman ini didiami semata-mata oleh anda, keluarga dan pembantu rumah? Jika tidak, nyatakan bilangan penyewa, penghuni tumpangan, penyewa bilik atau tetamu yang membayar.
 Ya Tidak _____

8. Adakah kediaman ini akan ditinggalkan tanpa berpenghuni secara berkala? Perhatian ditujukan kepada Proviso dalam Polisi yang melindungi terhadap Kecurian akan digantung untuk sebarang tempoh atau tempoh melebihi 90 hari dalam mana-mana satu tempoh insurans yang kediaman itu ditinggalkan tanpa berpenghuni melainkan dipersetujui khas oleh Syarikat.
 Ya Tidak

9. Adakah rumah anda dilindungi oleh sistem penggera penceroboh?
 Ya Tidak

10. Adakah bangunan ini dalam keadaan yang baik dan akan diselenggara?
 Ya Tidak

11. Adakah insurans diperlukan terhadap:
(a) Kecurian penuh (untuk Kandungan Isi Rumah sahaja)
 Ya (tidak termasuk pembantu rumah) Ya (termasuk pembantu rumah) Tidak
(b) Rusuhan, Mogok dan Kerosakan Berniat Jahat (untuk Bangunan dan Kandungan Isi Rumah)
 Ya Tidak
(c) Kerosakan tidak sengaja pada kepingan kaca (untuk Bangunan sahaja)
 Ya Tidak
(d) Insurans Sewa di bawah Manfaat Tambahan E dalam polisi melebihi 10% daripada jumlah yang diinsuranskan untuk Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah Ya Tidak
Jika ya, had meningkat kepada: _____
(e) Mendapan dan Gelinciran Tanah (untuk Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah)
 Ya Tidak
(f) Pelanjutan Waranti Barang (tidak melebihi 10% daripada keluasan lantai)
 Ya Tidak
(g) Pokok Tumbang
 Ya Tidak
(h) Kebakaran Semak/Lalang
 Ya Tidak
(i) Kerosakan akibat Hentaman termasuk Kenderaan Sendiri Pihak Diinsuranskan
 Ya Tidak

(j) Pembaikan Pengubahsuai

Ya Tidak

(k) Kenaikan had ganirugi di bawah Manfaat Tambahan – Liabiliti Kepada Orang Awam

Ya (had meningkat kepada RM100,000)

Ya (had meningkat kepada RM250,000)

Tidak

(l) Yuran Arkitek, Juruukur dan Perunding

Ya Tidak

Jika ya dengan jumlah diinsuranskan berasingan, nyatakan amaun: _____

(m) Pembuangan Serpihan

Ya Tidak

Jika ya dengan jumlah diinsuranskan berasingan, nyatakan amaun: _____

Nota: Kadar akan disebut pada permohonan untuk perkara (a) hingga (m) di atas

12. Adakah mana-mana Syarikat atau Penginsurans, berkaitan dengan sebarang Kontinjenzi yang dicadangkan dalam borang ini:

(a) Menolak untuk menginsuranskan anda?

Ya Tidak

(b) Memerlukan terma khas untuk menginsuranskan anda?

Ya Tidak

(c) Membatal atau menolak memperbaharui insurans anda?

Ya Tidak

(d) Meningkatkan premium untuk pembaharuan insurans anda?

Ya Tidak

Jika mana-mana soalan dalam (a) hingga (d) dijawab 'Ya', sila berikan butiran

13. Adakah Bangunan dan/atau Kandungan Isi Rumah pernah mengalami kerosakan atau kehilangan akibat taufan, siklon, ribut angin, banjir, mendapan & gelinciran tanah atau kecurian dalam tempoh 5 tahun lepas? Ya Tidak

Jika ya, sila berikan butiran. _____

14. Adakah anda pernah mengalami kerugian lain selain daripada yang dinyatakan dalam soalan 12 di atas? Ya Tidak

Jika ya, sila berikan butiran. _____

15. Adakah anda mempunyai sebarang Polisi lain yang berkuat kuasa melindungi sebarang kontinjenzi yang akan diinsuranskan? Ya Tidak

Jika ya, sila berikan butiran. _____

16. Jika Cadangan ini adalah sebagai pengganti kepada mana-mana insurans dengan Syarikat ini, sila berikan butiran.

Ya Tidak

17. Adakah terdapat gadaian atau cagaran ke atas harta ini? Ya Tidak

Jika ya, sila berikan butiran. _____

18. Sila nyatakan Tempoh Insurans: Dari _____ hh/bb/tt Kepada _____ hh/bb/tt

(NOTA UNTUK SOALAN 10 (a) hingga (m), KADAR AKAN DINYATAKAN SELEPAS PERMOHONAN DITERIMA)

Harta Untuk Diinsuranskan:

Adalah dinasihatkan agar jumlah yang diinsuranskan mewakili Nilai Penuh harta tersebut.

Seksyen I – Bangunan

Rumah Kediaman Persendirian Pencadang (atau Flat) dan semua Pejabat Domestik, Kandang kuda, Garaj dan Bangunan Tambahan yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya dan di premis yang sama termasuk Lekapan dan Kelengkapan di dalamnya dan Dinding, Pintu dan Pagar di sekeliling dan berkaitan dengannya.

Seksyen II & III – Kandungan Isi Rumah

Perihal Barangani Isi Rumah dan Barangani Peribadi dalam apa jua bentuk, kepunyaan pencadang atau mana-mana ahli keluarga Pencadang yang biasanya tinggal bersama Pencadang di Kediaman Persendirian Pencadang dan semua Pejabat Domestik, Kandang kuda, Garaj dan Bangunan Tambahan yang digunakan semata-mata berkaitan dengannya dan di premis yang sama.

Seksyen IV & V – Perlindungan Tambahan / Lain-lain

Jika anda telah membeli sama ada Seksyen I atau Seksyen II atau kedua-duanya seksyen, anda boleh memilih perlindungan tambahan ini untuk melindungi barangani peribadi anda yang biasa dipakai atau dibawa atau tanggung rugi terhadap tuntutan pihak ketiga (orang lain) untuk kecederaan anggota badan atau kerosakan harta benda secara tidak sengaja melalui kecuaian yang disebabkan oleh anda, ahli keluarga terdekat atau pembantu rumah anda.

JADUAL PREMIUM

Sila tandakan pilihan anda dalam kotak Jumlah Diinsuranskan anda untuk kedua-dua Seksyen I dan/atau II. Anda juga boleh memilih Pelan Fleksi dengan menyatakan Jumlah Diinsuranskan anda dalam jadual di bawah.

Seksyen I – Bangunan Jumlah Diinsuranskan	Pelan 1 (RM) 100,000	Pelan 2 (RM) 200,000	Pelan 3 (RM) 300,000	Pelan Fleksi (RM) Sila masukkan
Premium Tahunan (Harta Bertanah)	<input type="checkbox"/> 71.10	<input type="checkbox"/> 142.20	<input type="checkbox"/> 213.30	<input type="checkbox"/> _____ x 0.07110% = _____
Premium Tahunan (Rumah Pangsa & Apartmen)	<input type="checkbox"/> 73.47	<input type="checkbox"/> 146.94	<input type="checkbox"/> 220.41	<input type="checkbox"/> _____ x 0.07347% = _____
Seksyen II – Kandungan Isi Rumah - Isi Rumah Jumlah Dinsuranskan	Pelan 1 (RM) 50,000	Pelan 2 (RM) 100,000	Pelan 3 (RM) 150,000	Pelan Fleksi (RM) Sila masukkan
Premium Tahunan (Harta Bertanah atau Rumah Pangsa & Apartmen)	<input type="checkbox"/> 133.51	<input type="checkbox"/> 267.02	<input type="checkbox"/> 400.53	<input type="checkbox"/> _____ x 0.26702% = _____
Premium Tahunan (Harta Penduduk di Hotel, Kelab Kediaman dan Rumah Asrama)	<input type="checkbox"/> 253.50	<input type="checkbox"/> 507.00	<input type="checkbox"/> 760.50	<input type="checkbox"/> _____ x 0.50700% = _____
Seksyen III – Kandungan Isi Rumah – Semua Risiko Jumlah Diinsuranskan	Pelan 1 (RM) 50,000	Pelan 2 (RM) 100,000	Pelan 3 (RM) 150,000	Pelan Fleksi (RM) Sila masukkan
Premium Tahunan (Harta Bertanah atau Rumah Pangsa & Apartment) – 1/3 barang kemas	<input type="checkbox"/> 300.00	<input type="checkbox"/> 600.00	<input type="checkbox"/> 900.00	<input type="checkbox"/> _____ x 0.6000% = _____
Premium Tahunan (Harta Bertanah atau Rumah Pangsa & Apartment) – 1/2 barang kemas	<input type="checkbox"/> 360.00	<input type="checkbox"/> 720.00	<input type="checkbox"/> 1080.00	<input type="checkbox"/> _____ x 0.7200% = _____

Penyenaraian Barang Berasingan (terpakai untuk Seksyen III Kandungan Isi Rumah - Semua Risiko sahaja)

Kandungan isi rumah anda tertakluk kepada Had 10% setiap Artikel melainkan diisyiharkan secara khusus sebagai barang berasingan.

Nota:

- Perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, set televisyen, set perakam video dan peralatan Hi-Fi adalah berdasarkan kerugian setiap barang dan tidak tertakluk kepada Had setiap Artikel.
 - Melainkan dinyatakan atau diisyiharkan secara khusus, seksyen ini tidak meliputi:
 - Surat ikatan, bon, bil pertukaran, nota janji hutang, wang atau sekuriti untuk wang, pingat, setem pos, koleksi setem atau syiling, barang antik/koleksi atau karya seni, manuskrip atau buku perniagaan, pelan, corak, model atau acuan, lukisan atau reka bentuk, rekod komputer, kontrak atau dokumen lain.
 - Sebahagian daripada peruntukan kandungan isi rumah anda akan diperuntukkan kepada penyenaraian barang berasingan ini bagi Barang Diinsuranskan (jika ada), dan jenis perlindungan barang kemas pilihan anda (jika ada). Baki jumlah Jumlah Diinsuranskan kemudiannya akan digunakan untuk melindungi kandungan isi rumah anda yang lain yang tidak tersenarai tertakluk kepada terma dan syarat Polisi.
 - Sila pastikan anda telah menginsuranskan jumlah nilai kandungan isi rumah anda dengan secukupnya untuk perlindungan penuh.

Contoh:

Jumlah nilai kandungan isi rumah: RM1
Jumlah nilai barang uangmasa: RM25.000

Jumlah nilai barang kemas: RM25,000
Jumlah nilai item berasingan yang akan diisytiharkan: RM10,000

Anda harus mempunyai sejumlah RM50,000 jumlah kandungan yang diinsuranskan dengan 1/2 pilihan barang kemas untuk melindungi barang rumah dan barang berharga anda dengan secukupnya.

(Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan helaian berasingan)

SEKSYEN IV – SEMUA RISIKO PERIBADI SELURUH DUNIA

Bahagian ini adalah untuk barang yang akan dibawa/dipakai oleh anda ke mana-mana di seluruh dunia dan setiap item dilindungi sehingga RM10,000. Sila nyatakan di sini artikel untuk diinsuranskan:

(Jika ruang tidak mencukupi, sila lampirkan helaian berasingan)

Jumlah Diinsuranskan

Premium @ 1.5000%
Premium kena bayar

Seksyen V – Liabiliti Keluarga Seluruh Dunia

■ Liabiliti Keluarga Seluruh Dunia

Meliputi indemniti terhadap kecederaan badan atau kerosakan harta benda pihak ketiga secara tidak sengaja	Maksimum RM200,000	RM25
---	--------------------	------

Sila ambil perhatian bahawa Premium Tahunan adalah tertakluk kepada 8% Cukai Perkhidmatan dan RM10.00 Duti Setem.

Premium (RM)	
8% Cukai Perkhidmatan (RM)	
Duti Setem (RM)	10.00
Jumlah Kena Bayar (RM)	

NOTA PENTING:

1. Bangunan hendaklah dibina daripada dinding bata/konkrit, lantai konkrit bertetulang dan berbumbung jubin/konkrit.
 2. Jumlah nilai barang dan barang kemas platinum, emas dan perak anda adalah terhad kepada satu pertiga atau separuh daripada jumlah diinsuranskan kandungan isi rumah anda, bergantung pada jenis perlindungan kandungan isi rumah anda, sama ada Kandungan Isi Rumah - Semua Risiko atau Kandungan Isi Rumah – Pemilik Rumah.
 3. Jika anda telah memilih perlindungan kandungan rumah - Perlindungan Semua Risiko, kandungan isi rumah anda akan tertakluk kepada had setiap artikel sebanyak 10% daripada jumlah kandungan yang diinsuranskan, melainkan diisyiharkan secara khusus sebagai barang berasingan. Perabot, piano, organ, perkakas rumah, radio, set televisyen, set perakam video dan peralatan Hi-Fi adalah berdasarkan kerugian setiap barang dan dikecualikan daripada had ini.
 4. Untuk pengisyiharan barang berasingan, sila isi Penyenaraian Barang Berasingan dalam borang ini.
 5. Polisi ini adalah untuk Kediaman Persendirian dan/atau Kandungan Isi Rumah yang terkandung di dalamnya, digunakan semata-mata untuk tujuan kediaman atau untuk tujuan kediaman dan domestik. Tiada aktiviti pembuatan, penyimpanan atau penyimpanan barang dagangan dibenarkan di Kediaman Persendirian atau di mana-mana bahagian premis yang merangkumi Kediaman Persendirian, kecuali jika diluluskan secara khusus untuk perlindungan.
 6. Polisi ini tidak melindungi harta yang diinsuranskan secara lebih khusus atau, melainkan dinyatakan secara khusus diisyiharkan di sini:- Surat ikatan, Bon, Bil Pertukaran, Nota Janji Hutang, Cek, Sekuriti untuk Wang, Setem, Dokumen dalam apa jua bentuk, Tunai, Nota Mata Wang, Nota Bank, Manuskrip, Pingat dan Sijling, Kenderaan Bermotor dan Aksesori atau ternakan.

KAEDAH BAYARAN

Saya ingin membayar premium RM

(termasuk semua cukai) ("Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar")

dengan: Tunai Cek (Sila palangkan cek dan di atas nama 'Generali Insurance Malaysia Berhad')

Bank	No. Cek	Jumlah (RM)

Pemindahan Dalam Talian

Kad Kredit / Debit

Nota:

- Untuk pemindahan dalam talian, pembayaran kad kredit dan debit, sila rujuk wakil perkhidmatan Generali anda untuk maklumat akaun bank syarikat.
- Kutipan pembayaran tidak boleh dianggap sebagai penerimaan permohonan anda sehingga cadangan diluluskan oleh penginsurans dan tertakluk kepada kelulusan pembayaran jika dibuat melalui cek atau kad kredit. Jika kad kredit ditolak, permohonan/pembaharuan serta resit dianggap dibatalkan secara automatik dan penginsurans tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang tuntutan.

Sila aktifkan pembaharuan automatik untuk polisi saya dan kenakan bayaran Jumlah Amaun Yang Perlu Dibayar ke atas kad debit/kredit saya di atas.

PENGAKUAN

- Saya/Kami dengan ini mengaku bahawa segala jawapan dan pernyataan yang diberikan adalah benar, dan saya/kami telah mendedahkan segala informasi yang berkaitan dengan permohonan ini. Saya/Kami memahami bahawa ini merupakan tanggungjawab saya/kami untuk mengambil tindakan munasabah untuk tidak membuat sebarang pernyataan yang salah dalam menjawab soalan-soalan di atas.
- Saya/Kami dengan ini membenarkan untuk Generali Insurance Malaysia Berhad dan/atau mana-mana syarikat di bawah Kumpulan Generali dan/atau mana-mana syarikat berkaitan, dalam atau luar Malaysia, untuk memproses data peribadi saya/kami untuk tujuan dan dalam skop Notis Data Privasi.
- Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah membaca dan memahami lembaran pendedahan produk ini, polisi dan bersetuju untuk terikat dengan segala terma dan syarat yang terkandung. Saya/Kami turut mengambil maklum terhadap tanggungjawab sebagai pemilik polisi di bawah kontrak polisi dan telah menghubungi wakil daripada Generali Insurance Malaysia Berhad untuk mendapatkan penjelasan terhadap mana-mana terma yang saya/kami tidak faham sebelum bersetuju untuk memasuki kontrak ini.

Saya/Kami telah membaca dan bersetuju dengan segala terma dan syarat yang dinyatakan di atas (Mandatori).

Saya/Kami bersetuju untuk menerima sebarang tawaran istimewa, promosi dan informasi yang berkaitan dengan produk insurans, majlis dan servis daripada Generali Insurance Malaysia Berhad dan/atau sebarang syarikat berkaitan dengan Kumpulan Generali (Pilihan).

Tandatangan Pemohon:

Tarikh: hh/bb/tt

PENGAKUAN OLEH PENGANTARA/PENGINSURANS

Saya/Kami dengan ini mengesahkan bahawa saya/kami telah melihat salinan asal K/P/Pasport, mengesahkan tandatangan yang sah dan identiti pencadang.

Tandatangan Pengantara/Penginsurans:

Tarikh: hh/bb/tt

Nama:

No. K/P:

Nota: Sila lampirkan salinan K/P/Pasport pencadang jika premium melebihi RM50,000.

NOTIS DATA PRIVASI

Privasi anda adalah penting bagi kami, Generali Insurance Malaysia Berhad ("Generali Malaysia"), dan kami komited sepenuhnya untuk memastikan data peribadi anda di bawah jagaan kami adalah selamat dan terjamin selaras dengan *Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta"). Perenggan berikutnya akan memberi anda pemahaman yang lebih baik mengenai cara kami mengumpul, memproses, menggunakan, menyimpan, menjamin, mengekalkan ketepatan serta cara untuk anda mengakses data peribadi anda.

Pengumpulan Data Peribadi

Untuk memproses pembelian polisi insurans dan melaksanakan perkhidmatan polisi, anda perlu memberi kami data peribadi yang wajib diberikan seperti nama, nombor kad pengenalan, tarikh lahir, alamat, nombor telefon, maklumat berkaitan dengan keadaan kesihatan atau perubatan anda, nombor kad bagi tujuan pembayaran, nombor akaun bank, penilaian kelayakan kredit, keluarga dan bukan keluarga, media sosial dll. Data peribadi anda direkodkan di dalam borang cadangan atau permohonan dan dokumen-dokumen lain yang berkenaan apabila anda berurusniaga atau apabila anda memerlukan penukaran atau perubahan ke atas maklumat peribadi anda. Data peribadi yang disediakan oleh anda akan dimasukkan ke dalam sistem maklumat kami untuk diproses, disimpan dan untuk pelaksanaan kewajipan kami berkaitan dengan polisi anda.

Pemprosesan dan Penggunaan Data Peribadi

Kami memproses data peribadi anda untuk tujuan berikut:

- untuk pelaksanaan perjanjian di antara Generali Malaysia dan anda;
- untuk pelaksanaan fungsi-fungsi kami;
- untuk pelaksanaan proses ketelitian wajar kami untuk mengendalikan semakan latar belakang untuk memperakui dan mengesahkan maklumat yang disediakan oleh anda;
- untuk mematuhi semua undang-undang, kaedah, peraturan, garis panduan dan/atau keperluan undang-undang atau kawal atur yang terpakai, dan juga untuk keperluan kerajaan, agensi penguatkuasaan undang-undang, dan apa-apa pihak berkuasa yang kami tertakluk kepada, atau apa-apa perintah Mahkamah;
- untuk tujuan litigasi, membela atau membela sewajarnya kepada tindakan undang-undang sebenar atau berpotensi atau pertanyaan yang melibatkan badan kawal selia dan badan bukan kawal selia;
- untuk melindungi hak-hak dan harta-harta kami secara umum dan juga untuk memastikan kecekapan teknikal dan pemfungsian sistem kami;
- untuk memantau dan mengesan apa-apa aktiviti penipuan dalam industri insurans;

8. untuk pemasaran (termasuk pemasaran langsung) produk insurans;
9. untuk mengendalikan penyelidikan pasaran, memahami dan menganalisa tingkah laku, lokasi, pilihan dan demografi pelanggan kami agar kami dapat menawarkan kepada anda produk dan perkhidmatan lain dan juga melaksanakan tawaran khas dan program pemasaran yang mungkin relevan kepada pilihan dan profil anda;
10. untuk mengesahkan kedudukan kewangan anda melalui agensi pelaporan kredit; dan
11. tujuan lain yang berkaitan dengan tujuan yang dinyatakan di atas.

Semua data peribadi yang diminta oleh kami adalah wajib kecuali dinyatakan sebaliknya. Sekiranya anda tidak menyediakan kepada kami maklumat yang berkenaan, kami mungkin tidak dapat menyediakan anda perlindungan insurans atau membalaik kepada apa-apa tuntutan.

Pemindahan Data Peribadi

Disebabkan sifat global Generali Malaysia, syarikat-syarikat bersekutu dan syarikat-syarikat berkaitan ("Kumpulan Generali") dan rangkaian perniagaan di seluruh dunia, untuk tujuan yang dinyatakan di atas, kami mungkin memindahkan data peribadi di peringkat antarabangsa kepada pihak di negara lain yang mempunyai rejim perlindungan data yang berbeza. Data peribadi mungkin dipindahkan ke pusat data Kumpulan Generali, pembekal perkhidmatan, rakan kongsi perniagaan, agensi pelaporan kredit, pihak berkuasa kerajaan atau pentadbiran untuk memenuhi tujuan secara langsung atau tidak langsung sepadan dengan tujuan pegumpulan data peribadi.

Penzahiran Data Peribadi

Kami mungkin menzahirkan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas kepada pihak-pihak berikut (termasuk di dalam dan di luar Malaysia):

1. Kumpulan Generali;
2. mana-mana ejen, pembekal perkhidmatan, kontraktor atau pihak ketiga yang menyediakan apa-apa perkhidmatan kepada syarikat-syarikat dalam Kumpulan Generali;
3. mana-mana orang yang mempunyai kewajipan kerahsiaan kepada kami; sebagai contoh, juruaudit luar, pengamal perubatan, pemegang amanah, syarikat insurans, dan aktuari;
4. agensi kerajaan, badan pengatur, dan pihak berkuasa lain;
5. rakan-rakan perniagaan dan pakatan strategik kami;
6. pemegang serah hak atau bakal pemegang serah hak, pemeroleh atau bakal pemeroleh dan pengganti hak milik kami; dan
7. mana-mana pihak lain, yang mana anda telah memberi persetujuan untuk menzahirkan data peribadi anda.

Dengan menyambungkan akaun platform digital Generali Malaysia anda dan akaun media sosial anda yang lain, anda membenarkan kami mendedahkan data dengan pembekal akaun media sosial anda yang lain dan anda memahami bahawa penggunaan data yang kami dedahkan akan dikawal selia oleh polisi privasi laman web media sosial penyedia perkhidmatan yang lain. Jika anda tidak mahu data peribadi anda didedahkan dengan pengguna lain atau dengan penyedia akaun media sosial anda yang lain, sila jangan pautkan akaun media sosial anda yang lain dengan akaun platform digital Generali Malaysia anda dan jangan ambil bahagian dalam perkongsian sosial di platform digital Generali Malaysia;

Anda juga boleh mendedahkan data peribadi pada papan mesej, laman sembang, halaman profil dan blog, serta platform digital Generali Malaysia lain di mana anda boleh memuat naik data dan kandungan. Sila ambil maklum bahawa sebarang maklumat yang anda muat naik atau dedahkan melalui platform ini akan dilihat oleh pelawat, pengguna platform digital Generali Malaysia serta komuniti. Kami menasihati anda supaya berhati-hati apabila cuba mendedahkan data peribadi anda, atau sebarang maklumat lain yang berkaitan apabila menggunakan platform digital Generali Malaysia.

Permintaan untuk Akses, Pembetulan dan Memadam Data

Kami mengambil semua langkah-langkah munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi yang disediakan oleh anda atau pihak yang dibenarkan oleh anda adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini dengan tujuan data peribadi tersebut dikumpul dan diproses selanjutnya.

Di bawah undang-undang dan peraturan yang berkenaan, anda mempunyai hak untuk:

- mengakses atau meminda atau membetulkan data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap, mengelirukan atau tidak terkini;
- meminta permadaman data peribadi anda di bawah alasan tertentu;
- menarik balik kebenaran anda atau meminta perubahan kepada skop persetujuan anda;
- membuat aduan kepada Generali Malaysia mengenai pengendalian data;

Sila ambil perhatian bahawa sesetengah data peribadi mungkin dikecualikan daripada hak akses, pembetulan, bantahan, pemandaman atau penindasan mengikut undang-undang perlindungan data tempatan.

Perlindungan Data Peribadi

Melaksanakan langkah yang mencukupi untuk melindungi data peribadi anda adalah keutamaan Generali Malaysia untuk memastikan ia sejajar dengan privasi data dan undang-undang perkhidmatan kewangan yang berkaitan. Namun begitu, tiada penghantaran data melalui internet atau sistem storan data boleh dijamin sepenuhnya. Jika anda mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa interaksi anda dengan kami terjejas, sila maklumkan kepada kami dengan segera.

Penyimpanan

Kami tidak akan menyimpan data peribadi anda lebih lama daripada yang diperlukan untuk memenuhi tujuan asal ia dikumpul. Kami akan mengambil semua langkah yang munasabah untuk memastikan bahawa data peribadi anda dimusnahkan atau dipadamkan secara kekal jika tidak lagi diperlukan melainkan pengekalan sedemikian diperlukan untuk tujuan operasi, audit, undang-undang, kawal selia, cukai atau perakaunan kami.

Produk dan Perkhidmatan Baru

Sebagai sebahagian daripada usaha kami untuk mempromosikan kesedaran dan pemahaman lebih mendalam terhadap produk dan perkhidmatan baru kami yang berfaedah kepada anda, kami dari semasa ke semasa akan menghubungi atau menghantar maklumat berkaitan dengan produk dan perkhidmatan baru tersebut kepada anda.

Pertanyaan dan Aduan

Sekiranya anda perlu menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan, pembetulan, pemandaman atau aduan, sila hubungi unit Perkhidmatan Pelanggan kami di 1 300 13 2121 atau +603 3007 2121 (Isrin – Jumaat 8:45 pagi – 5:00 petang, kecuali cuti umum) atau e-mel customer.service.gi@generali.com.my.

*Nota: Akta ini tidak terpakai bagi:

- Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri;
- bagi apa-apa data peribadi yang diproses di luar Malaysia melainkan jika data peribadi itu diniatkan untuk diproses selanjutnya di Malaysia; dan
- data peribadi yang diproses untuk invios elektronik yang dikeluarkan atau dihantar kepada Ketua Pengarah di bawah Akta Kewangan (No. 2) 2023.

Sekiranya terdapat pertikaian dan percanggahan mengenai Terma-terma dan Syarat-syarat di antara Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan digunakan. Untuk maklumat selanjutnya, sila rujuk "Notis Data Privasi" di laman web kami.